Pelajar boleh mendaftar untuk mengikuti mana-mana kursus secara audit. Kursus yang diikuti secara audit tidak akan dikira untuk menentukan Purata Nilai Gred dan tidak dikira sebagai memenuhi keperluan untuk memperoleh ijazah. Pelajar yang mengikuti kursus secara audit diperlukan memenuhi peraturan-peraturan dengan kehadiran kuliah, peperiksaan dan lain-lain. Kursus tersebut tidak dikira kreditnya dalam menentukan beban kerja kursus pada setiap semester.

9.5 Beban Kerja

Beban Kerja kursus adalah seperti berikut :

9.5.1 Beban Kerja Kursus

- a. Calon Sarjana yang mengikuti mod kerja kursus dan penyelidikan dibenarkan mengambil kursus pada setiap semester di antara 6 hingga 9 kredit kursus bagi calon sepenuh masa, dan tidak melebihi 9 kredit bagi calon separuh masa.
- b. Calon Doktor Falsafah yang mengikuti mod kerja kursus dan penyelidikan dibenarkan mengambil pada setiap semester di antara 9 kredit hingga 15 kredit bagi calon sepenuh masa, dan tidak melebihi 9 kredit bagi calon separuh masa.*

9.5.2 Pemilihan Kerja Kursus

Calon yang mengikuti kerja kursus hendaklah membuat pemilihan kursus yang akan diambil setelah berunding dan mendapat nasihat daripada Penasihat Akademik/Penyelia yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah atas cadangan Jabatan.

9.5.3 Keperluan Program atau Kursus

- a. Calon yang mengikuti kursus yang didaftar hendaklah memenuhi 70% keperluan kursus seperti yang ditetapkan oleh Jabatan/Program untuk layak menduduki peperiksaan akhir (jika berkenaan).
- b. Calon yang tidak memenuhi 70% keperluan kursus seperti yang ditetapkan oleh Jabatan/Program tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir kursus berkenaan dan diberi gred E (Gagal).
- c. Keputusan peperiksaan calon yang memenuhi keperluan kursus dan mengambil peperiksaan sesuatu kursus yang tidak didaftarkan tidak akan diambil kira.

** Program ini digantung.*

9.5.4 Penukaran, Penambahan atau Pengguguran Kursus

- a. Calon boleh menambah dan menggugur kursus dalam tempoh empat (4) minggu pertama setiap semester.
- b. Calon dikira menarik diri (TD) sekiranya menggugurkan kursus selepas minggu keempat sehingga selewat-lewatnya pada minggu kesepuluh. Calon yang menarik diri perlu menjelaskan bayaran yuran penuh.
- c. Penukaran, penambahan dan pengguguran kursus hendaklah mengambilkira keperluan jumlah kredit minimum dan maksimum yang ditentukan pada setiap semester.
- d. Calon yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon menggugurkannya akan diberi gred E bagi kursus berkenaan.

9.5.5 Pemindahan Kredit

- a. Calon yang berpindah dari universiti luar yang diiktiraf oleh Senat dan telah mengikuti kursus siswazah tertentu boleh memohon memindahkan sebahagian daripada kredit yang telah diperolehi bagi kursus yang setara dengan kursus yang sedang diikuti; atau
- b. Calon yang terlibat dalam program mobiliti *outbound* boleh memohon memindahkan kredit yang telah diperolehi bagi kursus yang setara dengan kursus yang sedang diikuti.
- c. Kursus setara yang telah diambil hendaklah tidak melebihi tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran.
- d. Jumlah kredit maksimum yang boleh dipindahkan ialah sebanyak dua belas (12) kredit atau tiga (3) kursus dengan gred A atau setara dan tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan mengikut bilangan kredit yang dipindahkan.
- e. Permohonan untuk pemindahan kredit hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti pada semester pertama pengajian.
- f. Gred untuk kredit yang dipindahkan akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.

9.5.6 Pengecualian Kredit

- a. Calon yang telah mengikuti kursus di Universiti atau universiti luar yang diiktiraf oleh Senat boleh memohon pengecualian kredit yang telah diperolehi bagi kursus yang setara dengan kursus yang sedang diikuti; atau
- b. kursus setara yang telah diambil hendaklah tidak melebihi tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran.
- c. Jumlah kredit maksimum yang boleh dikecualikan ialah sebanyak dua belas (12) kredit atau tiga (3) kursus dengan sekurang-kurangnya gred A atau setara dan tertakluk kepada bayaran pemprosesan yang ditetapkan.
- d. Gred untuk kredit yang dikecualikan tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.
- e. Permohonan untuk pengecualian kredit hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti/Timbangan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik dengan perakuan Dekan pada semester pertama pengajian. Calon yang telah

memohon pemindahan kredit tidak boleh memohon pengecualian kredit atau sebaliknya.

10. **Penangguhan Pendaftaran Masuk dan Penangguhan Pengajian**

Calon boleh memnuat permohonan penangguhan pendaftaran masuk dan penangguhan pengajian.

10.1 **Penangguhan Pendaftaran Masuk**

- a. Calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon menangguh pendaftarannya untuk tempoh tidak kurang daripada satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester.
- b. Permohonan penangguhan pendaftaran hendaklah dibuat secara bertulis kepada Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh pendaftaran masuk.
- c. Jika calon gagal membuat permohonan penangguhan dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran akan terbatal.

10.2 **Penangguhan Pengajian**

- a. Calon yang telah mendaftar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian atas sebab yang munasabah. Tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan.
- b. Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti/Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik dengan perakuan Ketua Jabatan dalam tempoh empat (4) minggu selepas semester bermula. Penangguhan boleh dibenarkan untuk tempoh tidak kurang daripada satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester di sepanjang tempoh pengajian.
- c. Walau apapun tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 9.2.2, calon boleh memohon tambahan satu (1) semester sahaja untuk penangguhan pengajian tertakluk kepada keputusan Senat.
- d. Calon yang diluluskan penangguhan pengajian tidak dianggap sebagai calon yang berdaftar dan tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh Universiti.

11. **Disertasi/Tesis**

11.1 **Program Sarjana**

- a. Pelajar Sarjana yang mengikuti mod Kerja Kursus dan Penyelidikan yang berada di semester kedua (2) dikehendaki untuk **menyerahkan proposal penyelidikan** ke Jabatan masing-masing bermula minggu ke-10 semester pengajian.

- b. Pelajar Sarjana yang mengikuti mod Kerja Kursus dan Penyelidikan serta telah memenuhi keperluan 24 kredit kerja kursus dan lulus peperiksaan kelayakan (jika perlu) hendaklah mengemukakan sebuah disertasi yang tidak melebihi 30,000 (Tiga Puluh Ribu) patah perkataan. Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, formula, jadual, gambarajah dan seumpamanya.
- c. Calon Ijazah Sarjana yang mengikuti mod Penyelidikan hendaklah mengemukakan sebuah tesis yang tidak melebihi Enam Puluh Ribu (60,000) patah perkataan. Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, formula, jadual, gambarajah dan seumpamanya.

11.2 Program Doktor Falsafah

- a. Calon Ijazah Doktor Falsafah yang mengikuti mod Kerja Kursus dan Penyelidikan dan telah memenuhi keperluan 24 kredit kerja kursus dan lulus peperiksaan kelayakan hendaklah mengemukakan sebuah disertasi yang tidak melebihi Lapan Puluh Ribu (80,000) patah perkataan. Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, formula, jadual, gambarajah dan seumpamanya. *
- b. Calon Ijazah Doktor Falsafah yang mengikuti mod Penyelidikan hendaklah mengemukakan sebuah tesis yang tidak melebihi Seratus Ribu (100,000) patah perkataan. Jumlah perkataan tidak termasuk catatan bawah, petikan, lampiran, formula, jadual, gambarajah dan seumpamanya.

11.3 Kebenaran menulis disertasi/tesis

- a. melebihi had panjang yang telah ditetapkan hendaklah diperolehi menerusi permohonan kepada Dekan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerahkan tesis untuk diperiksa.
- b. Penulisan disertasi/tesis yang ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Dekan Fakulti.

11.4 Format Penulisan Disertasi/ Tesis

Semua tesis/disertasi yang ditulis dalam:

- a. Bahasa Melayu mesti didahului dengan abstrak Bahasa Melayu dan diikuti terjemahannya dalam Bahasa Inggeris
- b. Bahasa Arab mesti didahului dengan abstrak dalam bahasa tersebut dan diikuti terjemahannya dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- c. Bahasa Inggeris mesti didahului dengan abstrak dalam bahasa tersebut dan diikuti terjemahannya dalam Bahasa Melayu.
- d. Penyediaan disertasi/tesis hendaklah mengikut format buku ***Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM.***

* Program ini digantung

11.5 Prosedur Penyerahan Disertasi/tesis

- a. Calon tidak boleh mengemukakan disertasi/tesis yang telah diserahkan kepada Universiti ini atau universiti lain, tetapi ia boleh memasukkan mana-mana bahagian daripada karya itu dengan syarat bahagian karya yang dimasukkan itu dirujuk dengan jelas.
- b. Calon perlu menerbitkan artikel mengenai hasil penyelidikannya dalam tempoh beliau sedang menjalani program dengan syarat mendapat persetujuan penyelia atau Jawatankuasa Penyeliaan. Hak cipta hasil penyelidikan adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti untuk pelajar.
- c. Seorang calon yang akan menyerahkan tesis/disertasi hendaklah:
 - i. Memenuhi syarat penerbitan yang telah ditetapkan.
 - ii. Mengisi dan menghantar borang notis yang telah disediakan tiga bulan sebelum menyerahkan disertasi/tesis untuk diperiksa.
 - iii. Mendapat pengesahan bertulis daripada penyelia terlebih dahulu.
- d. Disertasi/Tesis boleh diterbitkan setelah mendapat kebenaran Universiti.
- e. Semua calon dikehendaki untuk melengkapkan semua kursus pra-syarat sebelum menyerahkan disertasi/tesis untuk peperiksaan lisan.

12. Penyeliaan Pelajar Siswazah

12.1 Penasihat Akademik

Calon yang mengikuti mod kerja kursus dan penyelidikan akan dibimbing oleh sekurang-kurangnya seorang penasihat akademik yang dilantik oleh Fakulti atas cadangan Jabatan. Penasihat Akademik akan bertanggungjawab menasihati calon mengenai pendaftaran kursus dan kemajuan calon semasa mengikuti kerja kursus.

12.2 Penyelia atau Jawatankuasa Penyeliaan Siswazah

12.2.1 Calon yang menjalankan penyelidikan dan penyediaan disertasi/tesis akan dibimbing oleh:

- a. Penyelia Utama; atau
- b. Kumpulan dua orang Penyelia dan seorang akan dilantik sebagai Penyelia Utama dan seorang lagi sebagai Penyelia Kedua; atau
- c. Jawatankuasa Penyeliaan.

12.2.2 Semua penyelia dilantik oleh Dekan Fakulti dan bertanggungjawab untuk menyelia penyelidikan, penulisan disertasi/tesis serta menilai prestasi kemajuan calon. Penyelia dan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Siswazah hendaklah mengisi Laporan Kemajuan Calon (LKC) melalui atas talian SMPWeb, menyimpan dan menyampaikan satu salinan laporan kepada

Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah Fakulti setiap semester.

- 12.2.3 Penyelia yang dipinjamkan ke tempat lain, berhenti atau bersara dari Universiti, atau penyelia dari universiti lain, atau individu berkelayakan dari institusi/industri boleh dilantik sebagai Penyelia Kedua atau Ahli Jawatankuasa Penyeliaan; atau
- 12.2.4 Tertakluk kepada perakuan Senat, Dekan Fakulti dengan perakuan Jabatan boleh melantik penyelia yang disebut dalam peraturan 12.2 sebagai Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.
- 12.2.5 Jika Penyelia tidak dapat menjalankan tugasnya, maka Dekan Fakulti dengan perakuan Jabatan hendaklah melantik seorang penyelia yang lain untuk menjalankan tugas itu bagi suatu tempoh yang dianggap perlu.
- 12.2.6 Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan boleh membuat permohonan penukaran dan/atau penambahan Penyelia Kedua atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan dengan syarat beliau memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti atau Pengerah Pusat Pengurusan Siswazah.
- 12.2.7 Calon boleh membuat permohonan penukaran dan/atau penambahan penyelia dengan syarat calon memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan perakuan Jabatan tidak lewat dari tiga (3) semester untuk program Ijazah Kedoktoran atau dua (2) semester untuk program Ijazah Sarjana selepas pelantikan berkenaan dibuat.

13.3 Penilaian Kemajuan Calon

Calon boleh diberikan taraf ‘Gagal dan Diberhentikan Sebab Prestasi Akademik’ jika calon memperoleh laporan kemajuan seperti berikut:

- a. ‘dengan Ingatan’ sebanyak empat (4) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
- b. ‘dengan Amaran’ sebanyak dua (2) kali sepanjang tempoh pengajian; atau
- c. gabungan dua ‘dengan Ingatan’ dan satu (1) ‘dengan Amaran’ sepanjang tempoh pengajian; atau
- d. ‘Gagal dan Diberhentikan’ pada mana-mana semester.

13. Peperiksaan

- 13.1 Peperiksaan Sarjana Pengajian Islam bagi calon yang mengikuti mod kerja kursus dan penyelidikan hendaklah mengandungi:
 - 13.1.1 Peperiksaan mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester;
 - 13.1.2 Peperiksaan kelayakan (jika perlu);
 - 13.1.3 Satu (1) disertasi yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam;
 - 13.1.4 Peperiksaan lisan bagi mempertahankan disertasi di hadapan Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah.
 - 13.1.5 Satu (1) Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah yang terdiri daripada Dekan/ Wakil Dekan Fakulti Pengajian Islam, Ketua Jabatan berkenaan dan

** Program ini digantung*

- Penasihat Akademik/Penyelia/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah ditubuhkan bagi menimbangkan keputusan peperiksaan calon berkenaan dan jika berpuas hati memperakukan kepada Senat untuk pengurniaan Ijazah.
- 13.2 Peperiksaan Doktor Falsafah bagi calon yang mengikuti mod kerja kursus dan penyelidikan hendaklah mengandungi: *
- 13.2.1 Peperiksaan mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester;
- 13.2.2 Peperiksaan kelayakan;
- 13.2.3 Satu (1) disertasi yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar;
- 13.2.4 Peperiksaan lisan bagi mempertahankan disertasi di hadapan Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah.
- 13.3 Peperiksaan Sarjana atau Doktor Falsafah bagi calon yang mengikuti mod penyelidikan sahaja hendaklah mengandungi:
- 13.3.1 Satu (1) tesis yang akan diperiksa oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar;
- 13.3.2 Peperiksaan lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah.

13.4 Rayuan Semak Semula Keputusan Peperiksaan Kerja Kursus

- a. Permohonan rayuan untuk semakan semula keputusan peperiksaan akhir kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan rasmi diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak akan dilayan.
- b. Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus yang diminta disemak semula.
- c. Bayaran bagi setiap kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- d. Dekan Fakulti yang menerima permohonan rayuan, akan merujuk rayuan itu kepada Ketua Jabatan calon itu untuk menubuhkan panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- e. Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang guru Universiti selain pemeriksa asal.
- f. Perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai penilaian semula peperiksaan akhir kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada calon berkenaan
- g. Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut Peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak akan dipertimbangkan.

14. Penerbitan

- 14.1 Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian Bil. 5/2010 pada 29 Jun 2010 telah bersetuju mewajibkan keperluan menerbitkan Jurnal dan lain-lain penerbitan kepada pelajar siswazah yang mendaftar bermula semester II sesi 2009/2010 bagi memenuhi sebahagian syarat memperoleh Ijazah.

Pekeliling Pusat Pengurusan Siswazah Bil.9/2014 bertarikh 30 Mei 2014 dan Mesyuarat Senat Bil. 399 bertarikh 24 April 2014 telah bersetuju meluluskan syarat penerbitan manuskrip sebagai syarat bergraduasi bagi pelajar siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia. Fakulti Pengajian Islam berkuatkuasa tarikh tersebut, termasuk calon yang sedang berdaftar sehingga tarikh berkenaan diwajibkan untuk menerbitkan Jurnal dan lain-lain penerbitan seperti jadual dibawah.

Program	Jurnal	Lain-lain penerbitan ilmiah
Doktor Falsafah	2	-
Sarjana mod Penyelidikan	1	-
Sarjana mod Kerja Kursus dan Penyelidikan	-	1

Semua jurnal dan lain-lain penerbitan ilmiah **mesti berkaitan dengan penyelidikan calon** dan **WAJIB** disertakan **NAMA PENYELIA** serta menulis nama UKM. Pelajar mesti mengemukakan bukti atau surat penerimaan penerbitan jurnal dan lain-lain penerbitan semasa mengemukakan notis penyerahan disertasi/tesis.

15. Penilaian Kerja Kursus

15.1 Gred dan Nilai Gred

Gred dan Nilai Gred untuk mod kerja kursus dan penyelidikan akan diberikan penilaian seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Lulus dengan cemerlang
A-	3.67	Lulus dengan cemerlang
B+	3.33	Lulus dengan kepujian
B	3.00	Lulus dengan kepujian
B-	2.67	Lulus
C+	2.33	Lulus
C	2.00	Lulus
C-	1.67	Gagal
D	1.00	Gagal
E	0.00	Gagal
L/K	0.00	Lulus/Kandas (bagi kursus Tanpa Gred)
TL	0.00	Tidak Lengkap
AU	0.00	Audit
TD	0.00	Tarik Diri
SM	0.00	Sedang Maju
TP	0.00	Tangguh Peperiksaan

- 15.1.1 L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” atau “kandas” sahaja;
- 15.1.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang tidak dapat menyelesaikan keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Calon perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred;
- 15.1.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi Kredit baginya hanya dikira untuk penentuan kredit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan Ijazah. Kredit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah kredit untuk keperluan Ijazah dan purata nilai apabila simbol SM

digantikan dengan gred;

- 15.1.4 AU (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan AU tersebut hanya direkodkan jika calon lulus peperiksaan kursus itu;
- 15.1.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang menarik diri bagi sesuatu kursus dengan kebenaran pensyarah dan Dekan Fakulti/Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah selepas minggu ke 4 hingga minggu ke 10 sesuatu semester;
- 15.1.6 TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada calon yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah 38 (1). Peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang mungkin berdasarkan keadaan kesihatan calon;

15.2 Pengiraan Kredit

- 15.2.1 Kursus yang didaftarkan secara wajib akan diterima untuk pengiraan bagi memenuhi keperluan kredit. Kursus yang diikuti secara audit, tanpa gred, yang menerima gred TL, SM, TD atau kursus yang digugurkan, tidak akan dimasukkan dalam pengiraan kredit;

15.2.2 Purata nilai gred (PNG) akan ditentukan mengikut kaedah di bawah:

(a) Purata Nilai Gred Semester (PNGS)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred x kredit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah kredit bagi semua kursus yang diikuti pada setiap semester.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit Kursus	Nilai Gred x Kredit Kursus
XA5003	A	4.00	3	12.00
XC5423	A-	3.67	3	11.01
XA5213	B+	3.33	3	9.99
XD5022	E	0.00	2	0.00
XE5212	D	1.00	2	2.00
Jumlah			13	35.00

$$\text{PNGS} = \frac{35.00}{13} = 2.69$$

(b) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred x kredit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah kredit bagi semua kursus yang telah diikuti sehingga ke akhir pengiraan.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit Kursus	Nilai Gred x Kredit Kursus
XA5003	A	4.00	3	12.00
XC5423	A-	3.67	3	11.01
XB5213	B+	3.33	3	9.99
XD5022	E	0.00	2	0.00
XE5212	D	1.00	2	2.00
Semester II				
Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit Kursus	Nilai Gred x Kredit Kursus
XA5133	A	4.00	3	12.00
XB5333	B+	3.33	3	9.99
XC5153	C+	2.33	3	6.99
XD5363	A	4.00	3	12.00
Jumlah			25	75.98

$$\text{PNGK} = \frac{75.98}{25} = 3.04$$

Formula pengiraan bagi PNGS dan PNGK adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

G_i = Nilai Gred Kursus ke-i

U_i = Nilai Kredit Kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti

15.3 Taraf Pencapaian Akademik dan Syarat Meneruskan Pengajian

15.3.1 Taraf pencapaian akademik calon ditentukan mengikut Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada setiap tempoh pengajian, ditentukan seperti berikut:

Purata Nilai Gred	Taraf Pencapaian	Meneruskan Pengajian	Pengurniaan Ijazah
$\text{PNGK} \geq 3$	Lulus	Layak	Layak
$2 \leq \text{PNGK} < 3$	Lulus Bersyarat	Percubaan	Tidak Layak
$\text{PNGK} < 2$	Gagal dan diberhentikan	Tidak Layak	Tidak Layak

15.3.2 Calon mestilah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.0 untuk setiap semester dan sekurang-kurangnya gred C untuk mana-mana kursus seperti yang ditetapkan oleh Jabatan;

15.3.3 Calon yang mendapat PNGK kurang daripada 3.0 akan diberi status “Lulus Bersyarat” pada semester berikutnya bagi meningkatkan prestasinya kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.0 pada akhir semester tersebut;

15.3.4 Calon yang tidak dapat meningkatkan prestasinya kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.0 pada semester beliau diberi status “Lulus Bersyarat” akan diberhentikan daripada mengikuti program pengajiannya. Calon tidak akan diberi status “Lulus Bersyarat” untuk dua (2) semester berturut-turut di sepanjang tempoh pengajian.

15.3.5 Kursus-kursus yang diberi gred C(M) dan D masih dikira dalam menentukan PNGS berkenaan dan dalam menentukan PNGK sehingga tamat pengajian. Kursus-kursus yang mendapat Gred E juga masih dikira dalam menentukan PNGS berkenaan, tetapi tidak diambil kira dalam menentukan PNGK semester-semester berikutnya.

15.4 Syarat Untuk Mengulang Kerja Kursus

- 15.4.1 Calon yang gagal dalam kursus yang didaftar secara wajib (**lihat peraturan 8.1.1**) dikehendaki mengulang kursus berkenaan.
- 15.4.2 Calon dibenar mengulang sebarang kursus. Kursus yang diberi gred E masih dikira dalam menentukan PNGS dan PNGK sehingga calon mengulang kursus dan lulus. Bagi kursus yang diulang, gred terakhir kursus tersebut akan diambilkira untuk tujuan pengiraan gred keseluruhan program walaupun gred yang diperoleh lebih rendah daripada yang sebelumnya.
- 15.4.3 Calon yang mendapat gred “C+” atau “C” boleh mengambil peperiksaan ulangan bagi kursus tersebut atau menduduki Peperiksaan Kelayakan sebelum dibenarkan mula menulis disertasi.

15.5 Syarat Untuk Menangguh Peperiksaan

- 15.5.1 Calon yang sakit atau menghadapi masalah kesihatan sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti dengan perakuan Pensyarah Kursus berkenaan untuk menangguh pengambilan peperiksaan tersebut.
- 15.5.2 Permohonan menangguh peperiksaan untuk sesuatu kursus berkenaan hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan itu diadakan.
- 15.5.3 Permohonan menangguh pengambilan peperiksaan semester atas sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan pegawai perubatan Kerajaan atau Universiti.
- 15.5.4 Permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Fakulti. Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes tersebut.

15.6 Peperiksaan Kelayakan (Komprehensif)

- 15.6.1 Untuk program Ijazah Doktor Falsafah, calon yang mengikuti pengajian mod kerja kursus dan penyelidikan* setelah melengkap bilangan kerja kursus yang diperlukan, dikehendaki mengambil dan lulus peperiksaan kelayakan untuk melayakkan pelajar meneruskan pengajiannya. Pelajar yang belum melengkap bilangan kredit yang diperlukan tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan ini.
- 15.6.2 Calon yang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah mod penyelidikan hendaklah mengambil dan lulus peperiksaan kelayakan yang ditentukan oleh Jabatan dalam masa tidak lebih daripada satu semester pertama untuk melayakkan calon meneruskan pengajian. Sekiranya gagal, calon diberi peluang untuk menduduki Peperiksaan Kelayakan sekali lagi pada semester berikutnya. Sekiranya gagal, pelajar akan diberhentikan.
- 15.6.3 Calon Sarjana yang mengikuti pengajian mod kerja kursus dan penyelidikan yang mendapat gred “C+” atau “C” dikehendaki membentangkan proposal sekiranya tidak mengulang dan membaiki gred tersebut.
- 15.6.4 Jawatankuasa Kecil Peperiksaan Kelayakan di peringkat Jabatan akan ditubuhkan

secara sementara (ad hoc) untuk mengendalikan perkara yang berkaitan. Ahli Jawatankuasa ini dilantik oleh Ketua Jabatan berdasarkan kepada kepakaran. Tugas Jawatankuasa ini ialah:

- a. menyediakan soalan peperiksaan dan memeriksa kertas jawapan;
- b. menyediakan laporan untuk Fakulti mengenai pencapaian calon dalam peperiksaan berkenaan.

16. Pengurniaan Ijazah

Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah boleh dianugerahkan kepada calon yang telah:

- 16.1 Memenuhi semua kehendak Peraturan-peraturan UKM (Pengajian Siswazah) 2011.
- 16.2 Memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti;
- 16.3 Memenuhi semua kehendak Peraturan Program Pengajian Siswazah Fakulti Pengajian Islam.
- 16.4 Diperakui supaya diberi Ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan (Mod Penyelidikan) atau Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah (Mod Kerja Kursus dan Penyelidikan) untuk diluluskan oleh Senat.
- 16.5 Menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan.

17. Pemberhentian Calon

- 17.1 Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang calon pada bila-bila masa jika calon didapati:
 - 17.1.1 memberi maklumat palsu berkenaan kemasukannya atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
 - 17.1.2 dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal;
 - 17.1.3 menghubungi atau mengganggu atau mengancam Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam berhubung dengan penilaian tesisnya;
 - 17.1.4 gagal mengekalkan prestasi akademik yang baik seperti yang ditetapkan Universiti;
 - 17.1.5 melakukan salah laku penyelidikan seperti memfabrikasi, memalsu atau memplagiat dalam menghasilkan penulisan tesis atau disertasi;
 - 17.1.6 melebihi tempoh pengajian.
- 17.2 Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan UKM, statut-statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa atau sedia terpakai termasuk Kaedah-kaedah UKM (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999, Dasar Harta Intelek UKM dan Dasar Etika Integriti Penerbitan dan Penulisan UKM.

18. Umum

- 18.1 Tiap-tiap permohonan dan rayuan yang berkaitan dengan Akta, Jadual dan Peraturan ini daripada pelajar yang berdaftar hendaklah dikemukakan kepada

** Program ini digantung*

Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik melalui Penyelia atau Pengerusi Jawatankuasa Siswazah atau Penasihat Akademik masing-masing. Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik akan merujuk permohonan atau rayuan tersebut kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti untuk mendapatkan pandangan atau perakuan yang akan disampaikan kepada Dekan Fakulti. Jika perlu, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik akan merujuk keputusan tersebut kepada Senat untuk mendapatkan kelulusan atau pengesahan sebelum dimaklumkan kepada pelajar.

- 18.2. Senat boleh membenarkan sebarang pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini.
- 18.3 Tafsiran kepada “Peraturan Program Sarjana dan Doktor Falsafah Pengajian Islam” ini hendaklah dirujuk kepada Fakulti Pengajian Islam atau Pusat Pengurusan Siswazah dan tafsirannya adalah muktamad.

**Jadual 1.1 Komponen Kerja Kursus dan Disertasi
Program Sarjana**

	KOMPONEN	KREDIT	TARAF
1.	3 Kursus Wajib Jabatan	9	WJ
2.	3 Kursus Elektif Jabatan	9	EJ
3.	2 Kursus Elektif Jabatan Lain di FPI *	6	EL
		24	
4.	Kursus Kaedah Penyelidikan	L/K	TG
5.	Kursus Prasyarat Jabatan (Jika Perlu)	L/K	T G
6.	Kursus Pengukuhan Bahasa Arab** (Jika Perlu)	L/K	TG
7.	Kursus Bahasa Melayu (Calon Luar Negara) (Jika Perlu)	U	Audit
8.	Modul Kecekapan Bahasa Inggeris (MKBI) (Calon Luar Negara) (Jika Perlu)	U	Audit
9.	Disertasi	16	WJ
	Jumlah Kredit	40	

* Kursus Jabatan lain yang diambil sebagai kursus elektif hendaklah diberi taraf EL, walaupun kursus itu bertaraf WJ atau EJ bagi Jabatan berkenaan.

** Keperluan mengambil kursus Pengukuhan Bahasa Arab bergantung kepada prestasi U Kelayakan Bahasa Arab yang wajib diambil oleh semua calon, kecuali calon yang bahasa ibundanya adalah Bahasa Arab.

Garis Panduan Pengendalian Kerja Kursus dan Penyeliaan Tesis/Disertasi Siswazah

1.0 Pendahuluan

- 1.1 Fakulti merangka Garis Panduan ini untuk memperkemas pentadbiran Program Pengajian Siswazah Fakulti Pengajian Islam.
- 1.2 Fakulti akan memantau dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa Garis Panduan ini terlaksana dengan baik.

2.0 Garis Panduan Pengendalian Kerja Kursus

- 2.1 Pengendalian Kerja Kursus hendaklah dibahagikan kepada dua peringkat:
 - i. Peringkat Awal: Minggu pertama setiap semester, pensyarah perlu menjelaskan kerangka kursus kepada pelajar.
 - ii. Peringkat kedua: Minggu kedua dan seterusnya ialah untuk perkuliahan, pembentangan kertas kerja dan seminar. (Tertakluk kepada kehendak kursus)
- 2.2 Penilaian kursus adalah berdasarkan kerja kursus/peperiksaan pertengahan semester 40%-60% dan peperiksaan akhir semester 60%-40%.

3.0 Garis Panduan Penyeliaan Tesis/Disertasi

3.1 Tugas Jabatan

- i. Jabatan perlu mencalonkan penyelia yang sesuai berdasarkan tajuk dan bidang pengkhususan pelajar.
- ii. Jabatan perlu meneliti dengan saksama cadangan penyelidikan tesis/disertasi yang dikemukakan oleh pelajar.

3.2 Tugas Penyelia

- i. Penyelia hendaklah memberi perhatian dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penulisan tesis pelajar mengikut Panduan Penulisan Gaya UKM.
- ii. Penyelia hendaklah mengadakan pertemuan berjadual dengan pelajar. Jadual pertemuan hendaklah dicatat oleh penyelia dan pelajar dalam Fail Penyeliaan.
- iii. Penyelia hendaklah mengisi Laporan Kemajuan Calon dalam SMPWeb pada setiap semester. Salinan laporan itu hendaklah dimasukkan ke dalam Fail Penyeliaan dan dihantar kepada Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah.
- iv. Penyelia hendaklah menurunkan tandatangan untuk notis penyerahan tesis, penyerahan tesis dan penyerahan selepas pembetulan tesis.

4.0 Garis Panduan Penulisan dan Pengesahan Abstrak

Pelajar yang telah menyiapkan disertasi/tesis perlu mengemukakan abstrak untuk Peperiksaan Lisan dengan meliputi perkara berikut:

- i. Abstrak perlu mengikut Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM.
- ii. Abstrak perlu mendapat pengesahan daripada Panel Penyemak Abstrak Fakulti.

5.0 Garis Panduan Penyerahan Tesis/Disertasi yang telah dibuat Pembetulan

5.1 Calon yang telah selesai menduduki Peperiksaan Lisan perlu menyerahkan tesis/disertasi yang telah dibuat pembetulan dalam tempoh seperti berikut: (Garis Panduan berikut tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan)

- i. Pembetulan 1 bulan:
Minimum penyerahan tesis/disertasi tidak kurang dari 2 minggu.
- ii. Pembetulan 2 bulan:
Minimum penyerahan tesis/disertasi tidak kurang dari 20 hari.
- iii. Pembetulan 3 bulan:
Minimum penyerahan tesis/disertasi tidak kurang dari 30 hari.
- iv. Pembetulan 6 bulan:
Minimum penyerahan tesis/disertasi tidak kurang dari 60 hari.
- v. Pembetulan 8 bulan:
Minimum penyerahan tesis/disertasi tidak kurang dari 80 hari.
- vi. Pembetulan 9 bulan:
Minimum penyerahan tesis/disertasi tidak kurang dari 90 hari.

5.2 Tempoh maksimum pembetulan kali pertama adalah selama dua belas (12) bulan dan tempoh maksimum pembetulan kali kedua adalah tiga (3) bulan.

5.3 Bagi calon yang diberi tempoh pembetulan dua belas (12) bulan pada pemeriksaan kali pertama, dikehendaki menyerah tesis yang telah diperbaiki untuk tujuan pemeriksaan ulangan dan perlu melalui peperiksaan lisan ulangan.

5.4 Calon yang gagal menyerah tesis dalam tempoh maksimum adalah dianggap gagal dan akan diberi status “Gagal dan Diberhentikan Sebab Kandas”.

Garis Panduan Peperiksaan Kelayakan Program Doktor Falsafah dan Sarjana Fakulti Pengajian Islam

(A) Program Doktor Falsafah

1.0 Pendahuluan

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan bagi memenuhi kehendak peruntukan Peraturan Program Pengajian Siswazah, Fakulti Pengajian Islam.

2.0 Matlamat Peperiksaan Kelayakan

- 2.1 Tujuan utama Peperiksaan Kelayakan ialah bagi menguji kefahaman dan penguasaan ilmu secara menyeluruh dalam bidang pengkhususan yang diambil oleh pelajar, dan tidak terhad kepada satu kursus atau tajuk tertentu. Ini bertujuan menggalakkan pembacaan yang luas di kalangan mereka.

3.0 Masa Menduduki Peperiksaan

- 3.1 Pelajar dikehendaki menduduki Peperiksaan Kelayakan yang akan diadakan oleh Jabatan pada semester pertama. Sekiranya pelajar gagal dalam Peperiksaan Kelayakan yang pertama, Peperiksaan Kelayakan ulangan boleh diadakan pada semester berikutnya.

4.0 Format dan Cara Peperiksaan

- 4.1 Pelajar dikehendaki mengambil satu kertas Peperiksaan Kelayakan sahaja.
- 4.2 Kertas soalan yang disediakan perlu mengandungi tiga komponen asas bidang pengkhususan bagi setiap Jabatan yang perlu ditentukan oleh Jabatan.
- 4.3 Tempoh masa peperiksaan ialah 3 jam.
- 4.4 Bentuk soalan yang dikemukakan adalah bersifat umum dan luas, mencakupi bidang pengkhususan pelajar dalam tiga komponen yang telah ditetapkan, dan tidak mengkhusus kepada kursus-kursus yang diambil oleh pelajar.
- 4.5 Semasa peperiksaan, pelajar dibenarkan merujuk kepada bahan-bahan rujukan jika diperlukan. Oleh itu peperiksaan sesuai diadakan di perpustakaan atau bilik bacaan.

5.0 Penilaian

- 5.1 Pelajar dikehendaki menghadiri peperiksaan lisan mengenai kertas jawapan bertulis yang disediakan.
- 5.2 Calon juga dikehendaki menyediakan semasa peperiksaan lisan kertas cadangan disertasi/tesis yang akan dikira sebagai sebahagian daripada aspek penilaian.
- 5.3 Satu Jawatankuasa Kecil Peperiksaan Kelayakan secara sementara (*adhoc*)

perlu dibentuk atau dilantik oleh Jabatan berkenaan yang terdiri daripada penggubal soalan Peperiksaan Kelayakan dan kakitangan akademik yang lain bagi menilai jawapan bertulis dan lisan calon serta kertas cadangan penulisan disertasi/tesis yang disediakan.

6.0 Pengurusan Peperiksaan Kelayakan dan Ujian Lisan

- 6.1 Peperiksaan Kelayakan dan ujian lisan berikutnya perlu diurus oleh Jabatan berkenaan.

(B) Program Sarjana

1.0 Pendahuluan

- 1.1 Prosedur ini disediakan bagi memenuhi kehendak peruntukan 15.6.3 Peraturan Program Pengajian Siswazah, Fakulti Pengajian Islam.

2.0 Matlamat Peperiksaan Kelayakan

- 2.1 Tujuan utama Peperiksaan Kelayakan ialah bagi menguji kefahaman dan penguasaan ilmu secara menyeluruh dalam bidang pengkhususan yang diambil oleh calon, dan tidak terhad kepada satu-satu kursus atau tajuk tertentu. Ini bertujuan menggalakkan pembacaan yang luas di kalangan mereka.

3.0 Masa Menduduki Peperiksaan

- 3.1 Calon dikehendaki menduduki Peperiksaan Kelayakan dalam masa tidak lebih daripada satu semester setelah memulakan pengajiannya.

4.0 Format dan Cara Peperiksaan

- 4.1 Calon dikehendaki mengambil satu kertas Peperiksaan Kelayakan sahaja.
- 4.2 Kertas soalan yang disediakan perlu mengandungi tiga komponen asas bidang pengkhususan bagi setiap Jabatan yang perlu ditentukan oleh Jabatan.
- 4.3 Tempoh masa peperiksaan ialah 3 Jam.
- 4.4 Bentuk soalan yang dikemukakan adalah bersifat umum dan luas, mencakupi bidang pengkhususan calon dalam tiga komponen yang telah ditetapkan, dan tidak mengkhusus kepada kursus atau topik tertentu.
- 4.5 Semasa peperiksaan, calon dibenarkan merujuk kepada bahan-bahan rujukan jika diperlukan. Oleh itu peperiksaan sesuai diadakan di perpustakaan atau bilik bacaan.

5.0 Penilaian

- 5.1 Calon dikehendaki menghadiri peperiksaan lisan mengenai kertas jawapan bertulis yang disediakan.
- 5.2 Calon juga dikehendaki membentangkan proposal secara terbuka kepada umum, tetapi hak membincangkan proposal diberikan kepada ahli akademik Fakulti sahaja. Masa pembentangan proposal ialah tidak lebih dari 3 jam. Proposal ini akan dikira sebagai sebahagian daripada aspek penilaian.

Senarai Kursus Program Sarjana

Kursus Fakulti*

PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I
PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II
PPPY6283	Kaedah Penyelidikan

Kursus Jabatan Syariah

I. Kursus Wajib

PPPQ6043	Falsafah Perundangan Islam
PPPQ6053	Fiqh Mu'amalah
PPPQ6063	Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh

II. Kursus Elektif

PPPA6013	Persoalan Fiqh Semasa
PPPA6053	Sistem Ekonomi Islam
PPPA6063	Undang-undang Keluarga
PPPA6123	Undang-undang Jenayah Islam
PPPA6133	Perkembangan Undang-undang di Negara Islam
PPPA6153	Siasah Shar'iyyah
PPPA6173	Pengurusan Harta Pusaka Islam

III. Kursus Prasyarat**

PPPG1133	Sistem Undang-undang di Malaysia
PPPG2203	Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia

Kursus Jabatan Usuluddin & Falsafah

I. Kursus Wajib

PPPQ6013	Metodologi Mutakallimin, Falasifah dan Sufi
PPPQ6033	Metodologi Kajian Tafsir dan Hadith Semasa ***
PPPQ6073	Kajian Agama-agama

* Kursus Prasyarat ini ditawarkan kepada semua pelajar Fakulti

** Sila rujuk Buku Panduan Prasiswazah untuk maklumat kursus dan Jabatan boleh menawarkan kursus lain yang sesuai

*** Kursus ini juga ditawarkan kepada pelajar Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah

II. Kursus Elektif

PPPB6013	Seminar Akidah dan Firaq
PPPB6023	Seminar Pemikiran Islam Semasa
PPPB6033	Falsafah Islam
PPPB6053	Seminar Tasawuf Perbandingan
PPPB6063	Falsafah Perbandingan
PPPB6083	Hadith dan Pembangunan Manusia

III. Kursus Prasyarat**

PPPH1143	Ilmu Kalam
PPPH1153	Pengantar Falsafah
PPPH2123	Perbandingan Agama

Kursus Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam

I. Kursus Wajib

Modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab

PPPQ6083	Metodologi Pengkajian Bahasa Arab
PPPQ6093	Ilmu Bahasa Arab
PPPQ6103	Genre Sastera

Modul Sejarah dan Tamadun Islam

PPPQ6023	Metodologi Pengkajian Sejarah dan Tamadun Islam
PPPQ6113	Kajian Teks Sejarah Islam
PPPQ6123	Sumber Utama Sejarah dan Tamadun Islam

II. Kursus Elektif

Modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab

PPPC6033	Isu Kesusasteraan Arab Moden
PPPC6093	Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Ilmu Balaghah
PPPC6113	I'jaz al-Qur'an
PPPC6133	Kajian Manuskrip Arab dan Melayu
PPPC6143	Dialek Arab
PPPC6153	Tatabahasa Bandingan
PPPC6173	Sosiolinguistik dan Penerjemahan
PPPC6183	Pengaruh Kesusasteraan Islam Terhadap Kesusasteraan Barat
PPPC6213	Prinsip Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua

** Sila rujuk Buku Panduan Prasiswazah untuk maklumat kursus dan Jabatan boleh menawarkan kursus lain yang sesuai

Modul Sejarah dan Tamadun Islam

PPPC6053	Metodologi Pengkajian Sejarah Islam
PPPC6073	Sejarah dan Tamadun Islam Sehingga Kejatuhan Baghdad
PPPC6083	Sejarah dan Tamadun Islam Selepas Kejatuhan Baghdad
PPPC6243	Sejarah Sains Tabi'i Islam
PPPC6253	Tamadun Islam

III. Kursus Prasyarat**

Modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab

PPPJ2353	Metodologi Kajian Teks Sastera Arab
PPPJ2303	Ilmu Bahasa Arab

Modul Sejarah dan Tamadun Islam

PPPJ1113	Pensejarahan Islam
PPPY1272	Fiqh Sirah

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan

I. Kursus Wajib

PPPQ6133	Organisasi Dakwah Masa Kini
PPPQ6143	Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Muslim
PPPQ6153	Metodologi Dakwah Dalam al-Quran

II. Kursus Elektif

PPPE6033	Komunikasi Islam
PPPE6043	Dakwah dan Ideologi Moden
PPPE6053	Masyarakat Muslim Di Malaysia
PPPE6063	Dakwah dan Perubahan Sosio-Budaya
PPPE6073	Seminar Pengurusan Islam
PPPE6083	Seminar Kepimpinan Islam
PPPE6093	Proses Strategi Kaunseling Islam

II. Kursus Prasyarat**

PPPM2023	Metodologi Dakwah kepada Non Muslim
PPPM3013	Metodologi Dakwah kepada Muslim
PPPY1222	Metodologi Dakwah *****

** Sila rujuk Buku Panduan Prasiswazah untuk maklumat kursus dan Jabatan boleh menawarkan kursus lain yang sesuai.

***** Kursus ini hanya ditawarkan kepada pelajar yang mengikuti Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Mod "Blended Learning" secara eksekutif dengan kerjasama Pusat Kembangan Pendidikan.

Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah

I. Kursus Wajib

- PPPQ6033 Metodologi Kajian Tafsir dan Hadith Semasa ****
- PPPQ6163 Maktabat al-Tafsir
- PPPQ6173 Maktabat al-Hadith

II. Kursus Elektif

- PPPF6033 Kajian Teks Kitab-Kitab Tafsir I
- PPPF6083 Tafsir Maudu'i
- PPPF6043 Metodologi Ahli Tafsir
- PPPF6063 Kajian Mushkil al-Hadith

II. Kursus Prasyarat**

- PPPN2323 Ilmu Takhrij
- PPPN3343 Kajian Hadith Maudu' dan Da'if
- PPPN2343 Kajian Tafsir al-Ma'thur dan al-Ra'yi

*** Sila rujuk Buku Panduan Prasiswazah untuk maklumat kursus dan Jabatan boleh menawarkan kursus lain yang sesuai*

*****Kursus ini ditawarkan di Jabatan Usuluddin dan Falsafah*

Penawaran Kursus Mengikut Semester Taburan Penawaran Kursus Sarjana Sesi 2014/2015

Jabatan Syariah

SEMESTER	KOD	NAMA KURSUS	Kredit	STATUS
I	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	PPPG1133	Sistem Undang-undang di Malaysia	3	
	PPPQ6043	Falsafah Perundangan Islam	3	WJ
	PPPQ6053	Fiqh Muamalah	3	
	PPPQ6063	Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh	3	
	PPPA6013	Persoalan Fiqh Semasa	3	EJ
	PPPA6063	Undang-undang Keluarga	3	
	PPPA6123	Undang-undang Jenayah Islam	3	
	PPPA6153	Siasah Shar'iyah	3	
II	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	PPPG2003	Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia	3	
	PPPQ6043	Falsafah Perundangan Islam	3	WJ
	PPPQ6053	Fiqh Muamalah	3	
	PPPQ6063	Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh	3	
	PPPA6053	Sistem Ekonomi Islam	3	EJ
	PPPA6083	Undang-undang dan Masyarakat Islam	3	
	PPPA6133	Perkembangan Undang-undang di Negara Islam	3	
	PPPA6173	Pengurusan Harta Pusaka Islam	3	

Jabatan Usuluddin & Falsafah

SEMESTER	KOD	NAMA KURSUS	Kredit	STATUS
I	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	PPPH1153	Pengantar Falsafah	3	
	PPPH2123	Perbandingan Agama	3	
	PPPQ6013	Metodologi Mutakallimin, Falasifah dan Sufi	3	WJ
	PPPQ6033	Metodologi Kajian Tafsir dan Hadis Semasa	3	
	PPPQ6073	Kajian Agama-agama	3	
	PPPB6013	Seminar Akidah dan Firaq	3	EJ
	PPPB6033	Falsafah Islam	3	
	PPPB6053	Seminar Tasawuf Perbandingan	3	
II	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	PPPH1143	Ilmu Kalam		
	PPPQ6013	Metodologi Mutakallimin, Falasifah dan Sufi	3	WJ
	PPPQ6033	Metodologi Kajian Tafsir dan Hadis Semasa	3	
	PPPQ6073	Kajian Agama-agama	3	
	PPPB6023	Seminar Pemikiran Islam Semasa	3	EJ
	PPPB6063	Falsafah Perbandingan	3	
	PPPB6083	Hadis dan Pembangunan Manusia	3	

Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam

SEMESTER	KOD	NAMA KURSUS	Kredit	STATUS
I	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	Modul Sejarah dan Tamadun Islam			
	PPPY1272	Fiqh Sirah	2	
	PPPJ1113	Pensejarahn Islam	3	
	Modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab		3	WJ
	PPPQ6093	Ilmu Bahasa Arab	3	
	Modul Sejarah dan Tamadun Islam			
	PPPQ6113	Kajian Teks Sejarah Islam	3	
	Modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab			EJ
	PPPC6093	Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Ilmu Balaghah	3	
	PPPC6153	Tatabahasa Bandingan	3	
	PPPC6183	Pengaruh Kesusasteraan Islam Terhadap Kesusasteraan Barat	3	
	PPPC6143	Dialek Arab	3	
	PPPC6133	Kajian Manuskrip Arab dan Melayu	3	
	Modul Sejarah dan Tamadun Islam			
	PPPC6073	Sejarah dan Tamadun Islam Sehingga Kejatuhan Baghdad	3	
	PPPC6253	Tamadun Islam	3	

II	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	Modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab			
	PPPJ2303	Ilmu Bahasa Arab	3	
	PPPJ2553	Metodologi Kajian Teks Sastera Arab	3	
	Modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab			WJ
	PPPQ6083	Metodologi Pengkajian Bahasa Arab	3	
	PPPQ6103	Genre Sastera	3	
	Modul Sejarah dan Tamadun Islam			
	PPPQ6123	Sumber Utama Sejarah dan Tamadun Islam	3	
	PPPQ6023	Metodologi Pengkajian Sejarah dan Tamadun Islam	3	
	Modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab			EJ
	PPPC6033	Isu Kesusasteraan Arab Moden	3	
	PPPC6113	I'jaz al-Qur'an	3	
	PPPC6173	Sosiolinguistik dan Penerjemahan	3	
	PPPC6213	Prinsip Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua	3	
	Modul Sejarah dan Tamadun Islam			
	PPPC6083	Sejarah dan Tamadun Islam Selepas Kejatuhan Baghdad	3	
	PPPC6243	Sejarah Sains Tabi'i Islam	3	

Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan

SEMESTER	KOD	NAMA KURSUS	Kredit	STATUS
I	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	PPPM3013	Metodologi Dakwah kepada Muslim	3	
	PPPQ6133	Organisasi Dakwah Masa Kini	3	WJ
	PPPQ6143	Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Muslim	3	
	PPPQ6153	Metodologi Dakwah dalam al-Quran	3	
	PPPE6033	Komunikasi Islam	3	EJ
	PPPE6053	Masyarakat Muslim di Malaysia	3	
	PPPE6073	Seminar Pengurusan Islam	3	
	PPPE6093	Proses Strategi Kaunseling Islam	3	
II	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	PPPM2023	Metodologi Dakwah kepada non-Muslim	3	
	PPPQ6133	Organisasi Dakwah Masa Kini	3	WJ
	PPPQ6143	Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Muslim	3	
	PPPQ6153	Metodologi Dakwah dalam al-Quran	3	
	PPPE6043	Dakwah dan Ideologi Moden	3	EJ
	PPPE6063	Dakwah dan Perubahan Sosiobudaya	3	
	PPPE6083	Seminar Kepimpinan Islam	3	

Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah

SEMESTER	KOD	NAMA KURSUS	Kredit	STATUS
I	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	PPPN2343	Kajian Tafsir al-Ma'thur dan al-Ra'yi	3	
	PPPQ6163	Maktabat al-Tafsir	3	WJ
	PPPQ6173	Maktabat al-Hadis	3	
	PPPQ6033	Metodologi Kajian Tafsir dan Hadis Semasa *	3	
	PPPF6033	Kajian Teks Kitab-kitab Tafsir I	3	EJ
	PPPF6083	Tafsir Maudu'i	3	
II	PPPZ6013	Bahasa Arab Pengukuhan I	3	TG
	PPPZ6023	Bahasa Arab Pengukuhan II	3	
	PPPY6283	Kaedah Penyelidikan	3	
	PPPN2323	Ilmu Takhrij	3	
	PPPN3343	Kajian Hadis Maudu' dan Da'if	3	
	PPPQ6163	Maktabat al-Tafsir	3	WJ
	PPPQ6173	Maktabat al-Hadis	3	
	PPPQ6033	Metodologi Kajian Tafsir dan Hadis Semasa *	3	
	PPPF6043	Metodologi Ahli-ahli Tafsir	3	
	PPPF6063	Kajian Mushkil al-Hadith dan Nasakhnya	3	

* Kursus ini ditawarkan di Jabatan Usuluddin dan Falsafah

Sinopsis Kursus Program Sarjana

Fakulti

Kursus Prasyarat

PPPY6283 Kaedah Penyelidikan

Kursus ini bertujuan untuk menerangkan konsep penyelidikan dalam Pengajian Islam, kaedah menulis cadangan penyelidikan, kaedah menjalankan penyelidikan dan kaedah menulis manuskrip penyelidikan. Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep dan etika penyelidikan, pengenalan kepada kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, pernyataan masalah, persoalan kajian, hipotesis, objektif, tinjauan literatur, kerangkakerja teoritikal dan kerangkakerja konseptual, populasi dan persampelan, pengumpulan data, penganalisan data, penulisan rujukan dalam teks, senarai rujukan, transliterasi dan abstrak mengikut Panduan Penulisan Gaya UKM. Kursus ini juga memperkenalkan SPSS dan NVivo sebagai alat penganalisan data. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan berupaya untuk menulis cadangan penyelidikan, menjalankan penyelidikan empirikal dan menghasilkan sebuah manuskrip ilmiah yang ditulis secara sistematik.

The objective of this course is to explain the concept of research in Islamic Studies, method how to write a research proposal, method how to conduct a research and method how to write a manuscript research. This course focuses on the concepts and ethics of research, an introduction of quantitative and qualitative research methods, statement of problem, research question, hypothesis, objective, literature review, theoretical framework and conceptual framework, population and sampling, data collection, data analysis, references within the text, list of references, transliteration, and abstract according to the UKM Style Guide. This course also introduces SPSS and NVivo as data analyzing tools. At the end of this course, students are expected having the ability to write a research proposal, to conduct an empirical research, and to produce a systematic academic manuscript

Bacaan Asas

- Bamberger, Michael. 2000. *Integrating Quantitative and Qualitative Research in Development Projects*. Washington, D.C.: The World Bank.
- Neuman, W. Lawrence. 1991. *Social Research Methods – Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn and Bacon.

- al-Dughmi, Mohammad Rakkan. 1997. *Asalib al-Bahth al-Ilmiyy wa Masadir al-Dirasah al-Islamiyyah*. Amman: Maktabah al-Risalah.
- Ahmad Sunawari Long. 2010. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah.
- Pusat Pengurusan Siswazah. 2009. *Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM*. Edisi Semak Kedua. Bangi: Pusat Pengurusan Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Matriks Hasil Pembelajaran PPPY6283

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	HPP1	HPP2	HPP3	HPP4	HPP5	HPP6	HPP7
1.	Mempunyai pengetahuan terhadap falsafah penyelidikan dalam Islam dan pendekatannya dalam penyelidikan. <i>Having knowledge of the philosophy of research in Islam and its approach to research.</i>	1	1					
2.	Berkemampuan dalam menjalankan penyelidikan dan menyiapkan disertasi atau tesis. <i>Having an ability in conducting empirical research and completing dissertation or thesis.</i>	1	2	2	2			
3.	Berkebolehan menganalisis data kualitatif dan kuantitatif. <i>Having capability to analyze the qualitative and quantitative data.</i>		2	2	2	2	1	
4.	Berkeupayaan melakukan sintesis terhadap pelbagai sumber maklumat dan data. <i>Having capability to synthesize different knowledge and data.</i>		2	2	2	2	1	
5.	Mempunyai kemampuan menilai pelbagai metode penyelidikan dan kepelbagaian data. <i>Having capability in evaluating various research methods and different data.</i>		2	1	1	2		

1 = Memenuhi PO tanpa penilaian rasmi

2 = Memenuhi separa PO dengan penilaian rasmi

